

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 12/2023

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

March to October 2023

## **Memupuk Budaya Sains dan Teknologi Dalam Kalangan Pelajar di SMK Sri Jempol**

***Ditulis oleh: Nur Jannah Azman***

Pendedahan Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan mengenai senario terkini kelas aliran sains di sekolah luar bandar yang dikatakan semakin dijauhi pelajar menjadikan kapasiti sebuah kelas aliran sains di kebanyakan sekolah berkurangan daripada segi jumlah pelajarnya. Pelajar kita pada masa kini sering menganggap mata pelajaran Sains merupakan mata pelajaran yang sukar untuk dipelajari. Fobia terhadap mata pelajaran Sains perlu dihindarkan dari dalam diri pelajar dan diganti dengan rasa cinta terhadap subjek penting ini di sekolah. Permasalahan ini menjadikan Malaysia menghadapi kesukaran dalam memenuhi keperluan pekerjaan sektor sains dan teknikal menjelang tahun 2025, sekali gus menjadikan STEM sebagai antara bidang paling kritikal buat masa kini.

Pelbagai langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani permasalahan ini dan demi menyahut seruan Kementerian Pendidikan Malaysia yang berusaha mengembalikan 'martabat' subjek ini, Jabatan Fizik dan Sains Bahan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMNS) dengan kerjasama Jawatankuasa Misi

Akademik UiTMNS dan jabatan-jabatan yang lain mengambil bahagian dalam pameran dan taklimat kerjaya di Minggu STEM, Kesihatan dan Kerjaya Tahun 2023 yang diadakan di SMK Seri Jempol pada 27 September 2023. Pelbagai aktiviti berjaya dirancang dan dijalankan di sana dengan kerjasama pihak sekolah, UiTM CNS serta agensi-agensi kerajaan yang lain.

Pameran sains serta taklimat secara bersemuka merupakan satu bentuk penyampaian ilmu secara tidak formal tentang pendidikan STEM kepada masyarakat umum yang meliputi orang awam, ibu bapa, golongan pendidik seperti guru-guru dan pensyarah serta pelajar menengah rendah dan tinggi. Pameran ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada semua lapisan pengunjung yang hadir di sekolah terbabit. Antara pengisian di pameran tersebut adalah pelbagai aktiviti interaktif seperti permainan, pameran peralatan sains, paparan video, eksperimen mudah dan lain-lain lagi

Pameran yang disediakan secara umumnya diolah dengan kreatif untuk mencambah minat yang lebih mendalam dalam dunia sains. Di booth pameran Jabatan Fizik, para pelajar berpeluang untuk merasai sendiri pengalaman memasang litar elektrik dengan panduan yang diberikan, mencari perkataan sains yang tersembunyi melalui permainan 'word puzzle', memahami konsep inersia dan

elektrostatik melalui permainan kreatif serta mengambil fotografi kenangan di photobooth yang disediakan. Pelajar sekolah kebanyakannya kagum melihat pelbagai pameran sains yang berskala kecil yang disediakan. Pendedahan kepada dunia sains melalui aktiviti menarik seakan-akan “field trip” dapat menimbulkan rasa keterujaan serta ingin tahu dalam diri mereka. Penerangan serta tutorial yang ditunjukkan oleh petugas pada permulaannya juga dapat menggalakkan interaksi secara aktif dan terus.

Pameran ini juga boleh membantu menyuntik idea kepada pendidik khususnya guru untuk mewujudkan suasana pembelajaran dan memberikan pengalaman sebenar yang berlaku dalam kehidupan seharian pelajar. Konsep sains dan teknologi juga diaplikasikan dalam permasalahan yang paling asas dan mudah difahami oleh murid dan diterapkan dalam pengajaran di dalam kelas.

Pelaksanaan program pembelajaran STEM kepada pelajar sekolah menengah ini adalah sebagai salah satu inisiatif memupuk kesedaran di kalangan pelajar sekolah menengah untuk mencambah minat dalam bidang STEM dalam menuju ke pendidikan lebih tinggi. Bagi menyahut aspirasi kementerian secara serius juga, UiTM sentiasa mencari peluang dalam memberikan tanggungjawab khidmat

masyarakat kepada organisasi yang berkaitan dan masyarakat setempat. UiTM juga pastinya akan sentiasa berusaha untuk menjadi sebuah universiti yang menekankan usaha ke arah melahirkan masyarakat berliterasi serta membudayakan sains dalam setiap dimensi kehidupan. Semoga perkongsian dalam pameran serta taklimat ini boleh membuka mata pelajar bagi berfikiran terbuka dengan subjek yang dituntut oleh KPM ini.



Gambarajah 1: Petugas memberi penerangan ringkas kepada pelajar yang ingin mencuba permainan yang disediakan.



Gambarajah 2: Antara pelajar dan guru yang hadir ke booth interaktif.



Gambarajah 3: Pelajar seronok mencuba memasang litar dengan merujuk kepada panduan yang disediakan.